

**Najib hanya tagih undi India, tidak serius penuhi janji Hindraf
Malaysian Insider
Feb 25, 2014
OLEH THE MALAYSIA INSIDER**

Pelantikan bekas timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, P Waytha Moorthy menganggotai Kabinet selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu menunjukkan Datuk Seri Najib Razak tidak bersungguh memenuhi memorandum perjanjian persefahaman (MoU) yang dimeterai sebelum pilihan raya umum lalu, kata DAP.

Ahli Parlimen Serdang, Dr Ong Kian Ming (gambar), berkata desakan beberapa menteri Kabinet seperti Menteri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Abdul Rahman dan Menteri Belia dan Sukan; Khairy Jamaluddin Abu Bakar yang mengecam peletakan Waytha tidak telus kerana tidak menceritakan kegagalan Najib.

“Jelas perdana menteri enggan menghormati MoU yang dimeterai bersama Hindraf sebaliknya menandatangani perjanjian itu kerana terdesak mahukan undi kaum India pada PRU13 lalu.

“Ia konsisten dengan banyak pusingan U yang dibuat Najib selepas mengambil alih tampuk pemerintahan daripada mantan perdana menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 2009 dengan gagal menunaikan janjinya semasa PRU13 seperti menurunkan kadar tol dan harga kereta,” katanya dalam satu kenyataan awal pagi ini.

Media melaporkan awal bulan ini, Waytha yang juga presiden Hindraf melepaskan jawatannya sebagai timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri ekoran kegagalan Putrajaya menunaikan janji kepada kaum India.

Setiausaha Hindraf, P Ramesh, berkata jawatankuasa pusat sebulat suara memutuskan Waytha meletakkan jawatan kerana kerajaan sengaja melengah-lengahkan janji bagi membantu masyarakat India.

Katanya, Hindraf mahu kekal setia kepada golongan miskin dalam masyarakat melalui perjanjian dengan musuh semata-mata demi kepentingan masyarakat India Malaysia yang percaya bahawa Barisan Nasional (BN) akan memenuhi janjinya.

Dr Ong berkata, perdana menteri memberi isyarat untuk mengingkari MoU bersama Hindraf apabila melantik Waytha sebagai anggota Kabinet berbanding menubuhkan kementerian baru iaitu Kementerian Hal Ehwal Minoriti seperti mana yang dicadangkan Hindraf.

Katanya, di bawah Pelan Kesedaran yang dicadangkan Hindraf, kementerian itu berperanan sebagai peneraju pembangunan kaum minoriti, merancang bajet dan mendapatkan peruntukan yang diperlukan serta melaksanakan kerja pembangunan.

“Pelan Hindraf turut meminta bajet tahunan RM4.9 bilion termasuk RM2 bilion peruntukan tanah untuk penternakan, RM1 bilion untuk perumahan, RM20 billion untuk program kemahiran dan latihan semula serta RM400 juta untuk tanah kuil dan perkuburan.

“Kritikan Khairy tidak berasas menyelar Waytha mahu mengawal bajetnya sendiri apabila perkara itu sememangnya terdapat dalam MoU yang ditandatangani,” katanya.

Khairy dalam satu kiriman Twitter pada minggu lalu berkata, Waytha tidak seharusnya terburu-buru membolot dana komuniti India kerana tindakan tersebut bukan cara kerajaan pusat bekerja.

Katanya, kerajaan sentiasa komited untuk membantu warga India namun tindakan Waytha tidak boleh diberikan toleransi.

"Waytha mahu mengawal dana, melangkaui kementerian dan agensi (kerajaan). Bila dia tidak dapat itu semua, dia letak jawatan dan menyalahkan perdana menteri.

"Waytha tidak seharusnya menyalahkan perdana menteri di atas keagalannya membuat perubahan. Dia tidak memberikan kerjasama dan tidak efektif untuk membela hala tujunya," katanya.

Menjawab tuduhan itu, Waytha menyifatkan Khairy sebagai tidak rasional, tidak matang dan tidak bijak mempertahankan kegagalan Najib memenuhi perjanjiannya bersama Hindraf.

Katanya, Khairy perlu membaca terlebih dahulu kandungan MoU yang ditandatangani Najib tahun lalu sebelum mengeluarkan kenyataan mempertahankan perdana menteri.

"Adakah beliau boleh menjalankan tugas apabila bajet kementeriannya ditarik dan berfungsi sebagai menteri belia dan sukan," katanya yang turut mendesak Najib membuat pengakuan keagalannya memenuhi MoU yang dipersetujuinya berbanding menggunakan Khairy sebagai pertahanan.

Dr Ong berkata, menerusi MoU itu, kaum India turut meminta kuota 10% perjawatan kerajaan, lesen dan permit, kontrak kerajaan dan penyertaan program keusahawanan kaum India.

Katanya, tanpa Kementerian Hal Ehwal Minoriti dan menteri Hindraf, janji bajet yang diperuntukkan itu akan gagal dilaksanakan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-hanya-tagih-undi-india-tidak-serius-penuhi-janji-hindraf>